

## Penggunaan Unsur Nilai Estetika Tradisional Kelantan dalam Senibina Kediaman Kontemporari

Ab Aziz Shuaib

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
Bachok, Kelantan  
Malaysia  
aziz@umk.edu.my

### Abstrak

*Nilai estetika yang terdapat pada senibina tradisional negeri Kelantan mempunyai potensi yang tinggi untuk digunakan pada rekabentuk bangunan semasa terutama dalam usaha untuk mengekalkan identiti tempatan . Kajian untuk mengenal pasti unsur dan corak unsur ukiran kayu yang terdapat pada bangunan tradisional telah banyak dibuat di negeri Kelantan. Pengaruh nilai dan pengaruh persekitaran adalah di antara yang terdapat pada reka corak dan pelan rumah kediaman dan pada ukiran kayu tradisional. Di samping itu nisbah dan kadaran yang terdapat pada ukiran dan ruang rumah kediaman juga mempengaruhi nilai estetika rumah tradisional negeri Kelantan. Nilai estetika yang terdapat pada rumah tradisional bukan saja pada visualnya malah suasana landskap dan peliharaan ternakan juga merupakan unsur yang diambil kira dalam kesejahteraan kehidupan harian. Usaha mencari kaedah dan teknik aplikasi nilai seni tradisional akan dibincangkan dalam kertas kerja ini.*

**Kata kunci:** nilai estetika, pengaruh persekitaran dan nilai.

### 1.0 Pengenalan.

Seni ukiran kayu yang mempunyai unsur nilai estetika banyak terdapat dalam catatan-catatan sejarah iaitu dalam Sejarah Melayu di mana dikatakan seni ukiran Melayu tradisi wujud sejak lebih 500 tahun dahulu. Penumpuan kepada ukiran kayu sebagai asas penilaian nilai estetika adalah wajar memandangkan ianya banyak terdapat pada rumah tradisional Melayu. Raja-raja Melayu, orang kenamaan, guru agama dan saudagar pada zaman dahulu memainkan peranan penting sebagai patron dalam memperkembang dan menghidupkan seni ukiran yang penuh dengan nilai estetika.

Seni pertukangan terutama di Kelantan dahulu kala banyak tertumpu pada bahan kayu, tekstil, bahan logam seperti emas, tembaga dan perak sebagai bahan asas untuk berkarya. Nilai estetika yang terdapat pada tekstil ialah melalui batik dan tenunan songket. Manakala emas, perak dan tembaga merupakan pengucapan nilai estetika oleh pengusaha logam. Ukiran kayu bukan saja terdapat pada rumah malah pada peralatan senjata dan perkakasan pertanian dan dapur. Kesemua yang tersebut merupakan seni kraf tradisional yang menjadi wadah pengucapan nilai estetika orang Melayu dahulu kala. Selain dari bahan di atas, buluh, rotan dan tanduk juga digunakan untuk tujuan yang sama. Hasil seni terbentuk

dalam berbagai rupa, tiga dimensi dan dua dimensi dalam bentuk corak dan juga rupabentuk dan kebanyakannya yang berfungsi bukan perhiasan semata mata seperti barang emas dan perak. Bahan tembaga kebiasaanya barang berfungsi. Justeru nilai estetika pada barang tembaga tidak diberi perhatian seperti yang terdapat pada emas dan perak.

Kekayaan seni orang Melayu Kelantan dalam menghasilkan seni berbagai bentuk dan pendekatan merupakan bukti tahap kehalusan nilai estetika tempatan. Sebagaimana kita sedia maklum seni hanya dapat bercambah dengan baik di dalam keadaan di mana sesuatu masyarakat hidup di dalam kesejahteraan dan aman lahiriah dan batiniah. Manifestasi yang terdapat adalah berbentuk ketara dan tidak ketara. Dalam hal ini Kelantan juga telah banyak melahirkan seni tradisi lisan yang tersendiri berbentuk teater tarian seperti Mak Yong, Menora, Main Petri/ Bagih dan Dikir Barat, Dikir Labo dan Rebana Kercil di antara lain. Dalam hal seni warisan ketara, senibinanya mempunyai identitinya tersendiri. Rupa bentuk keseluruhan dan di bahagian butiran ukiran juga mempunyai keunikan nilai estetika tempatan. Kejayaan dalam hal penghasilan seni secara amnya di antaranya adalah berteraskan pengabdian kepada Illahi sebagaimana yang dikatakan oleh Prof. Mohd Taib.

*"The love to manifest beauty is seen as an act of devotion to the Creator as well as a gift to his fellowmen" (Mohd Taib, 1997).*

Motif dan corak yang terdapat pada hasil kraf keseluruhannya berdasarkan sumber alam. Bentuk geometrik terdapat pada anyaman dan tenunan, manakala bentuk organik terdapat pada batik, emas, perak dan tembaga serta ukiran kayu. Ini menunjukkan seni visual yang terdapat pada kraf menampakkan ciri-ciri

pengucapan penghambaan kepada tuhan terutama pada seni ukiran yang terdapat di bangunan dan peralatan seperti keris, perkakasan perak, emas dan tembaga.

*"Art is, in the beginning, a thing of immediate utility, like the first stammering of speech; something to designate the object which surround man, for him to imitate or modify in order that he may use them; man goes no further" (Elie Faure, 1921)*

Kenyataan di atas meletakkan peralatan dan perkakasan yang berfungsi adalah diutamakan sebelum nilai seni diberi perhatian kepada hasil tangan yang dicipta.

Kesenian dalam konteks seni visual dapat dikaitkan kepada dua faktor utama iaitu mempunyai unsur fizikal di mana bahan dan bentuknya diilhamkan dan nilai estetika dalam aspek nilai seni yang tersirat dan tersurat. Nilai seni yang tinggi hanya dapat dihasilkan melalui proses pemikiran intelektual. Mengikut Shirley Gorenstein (1965), artifak yang mempunyai nilai seni secara tidak langsung menunjukkan pola kehidupan itu sendiri. Di Kelantan hasil peninggalan seni yang tinggi mutunya berlaku semasa pemerintahan kesultanan yang menekankan keagamaan yang tinggi, iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV. Pada zaman tersebut penerapan ajaran Islam menular bukan sahaja pada akhlak dan moral malah aktiviti dan kegiatan harian. Justeru pembinaan tempat persingahan musafir yang dinamakan wakaf banyak terdapat di laluan perjalanan di antara kampung atau Bandar. Begitu juga pada seni bina dan hasil kraf, pengaruh nilai agama adalah asas pengucapan seni. Tukang-tukang yang menghasilkan barang yang bernilai seni lazimnya mempunyai kefahaman agama yang tinggi. Pengucapan seni merupakan manifestasi penghambaan kepada Illahi. Justeru identiti pereka/pembuat tidak

diutamakan dan tidak terdapat tanda pada hasil yang dicipta.

## 2.0 Definisi

Nilai estetika dalam konteks seni kraf dan pertukangan orang Melayu ialah dalam erti kata kesempurnaan pembuatan hasil tangan dalam segi keindahan visualnya yang sesuai dengan fungsi barang yang dicipta oleh pembuat. Bukan semua peninggalan hasil kraftangan mempunyai nilai estetika yang tinggi terutama apabila usaha mengolah ubah corak dan rupabentuk berlaku tanpa mengetahui nilai yang tersirat yang ada pada hasil seni yang asal. Mengikut sejarah orang Melayu dahulunya menganut agama Hindu dan Animisma dan pengabdian kepada tuhan dalam kehidupan harian begitu tinggi. Hasil usaha untuk upacara keagamaan dibuat berseni tinggi kerana tuhan. Tradisi dan corak amalan ini berterusan walaupun pertukaran kepercayaan kepada Islam berlaku. Tiada perbezaan ketara dalam hal seni membuatkan asimilasi berlaku secara halus dari agama Hindu kepada agama Islam. Ini terbukti dalam pertindihan hasil ciptaan peninggalan. Imajan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti rupabentuk binatang masih terdapat walaupun telah banyak usaha mengolah ubahsuaikan kepada motif tumbuhan dan motif geometrik dibuat dengan berteraskan kefahaman ajaran Islam.

Selain dari keindahan visualnya, kandungan intelektualnya yang terdapat pada hasil kraf itu meletakkan ia dalam kategori klasik. Pengertian intelektual di sini ialah sesuatu hasil itu dibuat berteraskan kepada kepercayaan nilai keagamaan, mencipta mengabdi kepada Allah. Hasil ciptaan yang indah itu dan dikatogorikan klasik apabila motif dan corak tidak boleh diubah sesuka hati tanpa pemahaman apa yang tersirat di sebaliknya. Motif pucuk rebung, tapok

manggis di antara lain merupakan motif yang merujuk pada sumber alam ciptaan Illahi dan sudah pastinya penerimaan kesempurnaannya adalah sebahagian dari iman. Dalam kajian tentang nisbah dan kadar, terbukti sumber alam mempunyai hukum tertibnya tersendiri. Begitu juga dengan warna dan hira. Justeru penilaian estetika harus mempunyai dimensi pelbagai; konsep/filosofi, warna, nisbah dan kadar perlu diambil kira.

Senibina tradisional negeri Kelantan membawa erti pembinaan bangunan yang dibina dalam lingkungan seratus tahun dahulu dan mempunyai bahasa senibina yang sama. Istana, bangunan istiadat, rumah kediaman dan bangunan wakaf merupakan sumber rujukan nilai estetika selain perkakasan kraf yang terdapat di Kelantan. Reka letak bangunan, pelan susunatur ruang, perkakasan dan butiran yang terdapat pada bangunan menjadi asas rujukan kegunaannya secara adaptasi atau inovasi selain penggunaan secara bentuk asal dalam konteks semasa. Ukiran kayu merupakan unsur utama sebagai rujukan dan senang diadaptasi mengikut kesesuaian fungsi dan perletakannya. Persekutaran dimana lokasi bangunan berada juga memainkan peranan dalam penentuan nilai estetika sesuatu bangunan. Kebiasaannya, tapak rumah terletak di tepi pantai, tepi sungai, kawasan pertanian selain di pekan dan bandar. Pengaruh lokasi juga menentukan orientasi sesuatu rumah selain perjalanan arah matahari dan laluan angin. Landskap di persekitaran rumah juga memainkan peranan yang dapat menentukan nilai estetika sesuatu kediaman. Begitu juga dengan ternakan peliharaan untuk konsumsi dan peliharaan permainan kegemaran seperti burung dan kucing.

### 3.0 Unsur Nilai Estetika Tradisional

Sebagaimana tertulis di atas, pelbagai unsur yang boleh digunakan untuk merekabentuk rumah kediaman semasa, samada secara adaptasi seperti disarankan oleh Arkitek YM Dato' Raja Kamarul Baharin Shah Raja Ahmad Shah dalam kertas kerjanya. Selain adaptasi, penggunaan secara langsung juga boleh dilakukan asalkan nilai nisbah dan kadarannya tidak diubah atau fungsinya masih sama. Penekanan akan dibuat terhadap unsur estetika yang terdapat di bangunan dan sedikit dari perkakasan perhiasan dan senjata. Pemilihan adalah berdasarkan ketinggian nilai seni visual di samping nilai intelektual atau nilai yang tersirat. Berikut adalah di antara unsur yang dapat diberi perhatian.

1. Ukiran Tebuk Tembus Kekisi Angin:- Ukiran ini biasanya terdapat di atas pintu masuk di antara dua ruang berbeza fungsi. Ianya juga terdapat di dinding bilik untuk pengudaraan dan pencahayaan semula jadi. Motif ukiran biasanya tumbuhan bercorak awan larat. Dalam segi ukuran dan fungsi, penggunaannya boleh dibuat tanpa perlu adaptasi. Terdapat ukuran yang menyamai hukum ‘golden section’. Ini terbukti nilai keindahan itu sifatnya abadi dan merentasi budaya dan zaman. Penggunaanya sebagai kekisi angin dan panel pengasing ruang tidak perlu ubahsuai. Pengekalan rupabentuk dan ukuran perlu dibuat untuk memastikan identiti tempatan terpelihara.



Gambar 1.Ukiran keseluruhan yang menepati 'golden section'




Gambar 2.Ukiran tebuk tembus atas pintu untuk pengudaraan yang baik.

2. Gunungan/ Mahkota :- Bentuk yang terdapat di bahagian atas pintu juga boleh digunakan tanpa perlu diubah atau diadaptasikan. Ianya dapat mencerminkan identiti tempatan yang ketara kerana bentuk sedemikian hanya terdapat di Kelantan dan Terengganu.



Gambar 3.Gunungan yang mewujudkan identiti tempatan pantai timur.

3. Sesiku atau Tetupai:- Keunikan objek ini ialah ianya berukir dan juga boleh digunakan tanpa ubah suai atau adaptasi yang ketara. Ia berfungsi sebagai sokongan struktur tetapi tidak ketara berbanding dengan nilai seninya.



Gambar 3A.Tetupai yang mewujudkan identiti tempatan pantai timur.

4. Tunjuk Langit:- Objek ini terdapat di hujung bumbung dan ianya berukir sederhana. Dari segi fungsinya ia tidak berperanan kecuali mewujudkan identiti pada bangunan. Ianya banyak terdapat di Terengganu dan tidak begitu ketara di Kelantan. Ada dua bentuk yang ketara terdapat; satunya berbentuk menegak lurus

dan satu lagi berbentuk labu untuk puncak bumbung piramid.



Gambar 4. Tunjuk langit berbentuk labu biasanya terletak di puncak bumbung pyramid dan yang menedak terletak di pemeleh.

5. Ekor Itek:- Ianya terdapat di penjuru atap, berbentuk ekor itek dan diperbuat daripada simen. Ianya memberi identiti yang jelas pada bangunan yang mempunyainya.



Gambar 4. Ekor itek merupakan unsur yang dapat memperkuatkan identiti tempatan sesebuah bangunan.

6. Reka letak ruang:- Rumah kediaman tradisional Kelantan mempunyai taipologi ruang kediaman tersendiri; ruang serambi, ruang rumah ibu, ruang selasar, ruang dapur yang terletak di rumah dapur. Ruang peribadi, ruang umum dan laman adalah di antara ruang yang terdapat pada rumah tradisional Kelantan. Orientasi rumah biasanya mengikut kiblat dan permukaan depan belakang rumah adalah berdasarkan lokasi tapak rumah samada di tepi sungai, di sawah atau di tepi pantai. Ruang yang menonjol sifatnya ialah ruang untuk menerima tetamu dan biasanya terbuka untuk keselesaan dari segi suasana yang nyaman.

7. Dinding Janda Berhias:- Dinding yang diperbuat secara modular untuk diboleh guna pakai apabila ada keperluan pengubahsuaian ruang atau perpindahan



rumah ke tapak . Biasanya diperbuat dengan bahan kayu cengal. Dinding ini biasanya terdapat di rumah orang bangsawan atau saudagar, status sosial yang tinggi.



Gambar 5. Dinding Janda Berhias yang banyak terdapat pada rumah orang berada.


8. Dinding Kelarai:- Dinding yang biasa digunakan untuk ruang dapur diperbuat dengan bilah buluh dan anyaman bercorak jometrik.

9. Bendul:- Bendul merupakan identiti yang menonjol dalam seni bina pantai Timur. Dari segi fungsinya ia merupakan pengikat di parameter luar tiang utama rumah. Ia juga penyeri dan kepada pertukangan rumah.



Gambar 6. Bendul merupakan struktur yang dapat ditonjolkan sebagai identiti tempatan.

10. Pintu Gerbang:- Pintu utama masuk ke laman kawasan kediaman yang biasa terdapat di Kelantan dan Terengganu. Unsur ini dapat dijadikan identiti bahasa seni bina tempatan yang dapat ditonjolkan terutama pada bangunan kediaman.



Gambar 7.Pintu Gerbang

merupakan unsur yang ketara dapat dijadikan identiti vernacular kedaerahan.

10. Pemeleh dan Tebar Layar:- Pemeleh merupakan unsur bentuk yang menonjol sifatnya kerana ianya terletak di bahagian bumbung bangunan, berfungsi sebagai pemanis atap. Ianya beridentiti kepada rumpun dan daerah, terutama negeri Terengganu dan Kelantan. Corak tebar layar biasanya matahari terbit bagi melambangkan keceriaan kehidupan penghuninya.



Gambar 8. Pemeleh dan Tebar Layar  
yang menjadi satu dari identiti rumah Tradisional Kelantan

10. Perkakasan:- Terdapat perkakasan kemasan rumah tradisional seperti pemegang pintu tembaga yang boleh diguna tanpa adaptasi atau modifikasi. Perkakasan perhiasan wanita juga beleh diguna bentuknya untuk dekorasi dalaman seperti kemasan siling. Adaptasi perkakasan yang mempunyai identiti tempatan yang tinggi digalakkkan memandangkan ianya berpotensi dapat mengekal cirri-ciri tempatan.



Gambar 9. Pemegang pintu tembaga tradisional yang masih digunakan untuk pengekalan identiti.

#### 4.0 Unsur Nilai Estetika Tradisional Persekutaran

Ruang kediaman bukan hanya tertumpu pada ruang dalaman malah persekitaran laman tanaman juga dapat memainkan peranan untuk kesejahteraan kehidupan. Begitu juga dengan hidupan ternakan peliharaan kegemaran dan ternakan untuk bahan makanan. Tumbuhan dan ternakan merupakan pemankin kehidupan yang mapan. Ternakan ayam, itek untuk telor dan untuk dimakan. Manakala burung untuk mendengar kemerduan suara dan kecantikan ciptaan Illahi yang dapat menenangkan penghuninya. Tanaman biasanya untuk buah-buahan, sayur, ulam dan rempah memasak. Bunga berwarna-warni dan yang harum juga ditanam untuk tujuan menjaga kesihatan. Begitu juga dengan tanaman herba. Kebelakangan ini banyak kajian saintifik dapat membuktikan kelebihan pelbagai tanaman yang ditanam orang-orang dahulu di persekitaran rumah seperti pokok laksmana yang mempunyai khasiat ‘anti-toxin’ ditanam sebagai pokok struktur. Dengan mengambil kira semua unsur yang diketengahkan, nilai estetika tradisional yang menyeluruh terbukti ada asas dapat di ambil kira untuk senibina kontemporari.

Bahan sokongan untuk landskap lembut ialah wakaf dan gerai santai di bawah pohon. Unsur ini merupakan unsur yang dapat menonjol identiti tempatan. Ia dapat mewujudkan suasana santai untuk aktiviti petang dan hujung minggu.



Gambar 10. Wakaf replika yang dijadikan sebagai sebahagian laman di samping pengekalan seninya yang tinggi.

## 5.0 Aplikasi

Dengan suasana keadaan cara hidup dewasa ini yang mencabar, tempat kediaman harus diberi perhatian supaya ianya dapat menyokong atau membantu untuk mencapai kesejahteraan hidup di samping mengekalkan identiti tempatan. Keseimbangan kesejahteraan zahir dan batin penghuni kediaman merupakan faktor yang perlu diberi perhatian. Banyak penemuan kajian berkaitan ruang tradisional yang sejahtera dapat diaplikasikan sebaiknya kepada ruang kontemporari. Nilai estetika tradisional yang tersurat dan tersirat adalah di antara yang dapat diberi perhatian. Sesuai dengan perkembangan tuntutan pengguna dewasa ini sebagaimana kenyataan Dr. Rolf Jensen dalam ceramah 'The Dream World':

*The great transformation is taking place now at this present time" he cited. "Consumers are shifting from materialistic needs to emotional needs." (Rolf Jensen 2004)*

*"People will get richer, wealthier and smarter" but "will seek more on **spiritual products**". (Rolf Jensen 2004)*

Dengan kenyataan di atas terbukti perlunya isu emosi diambil kira dan faham kepentingannya untuk mendapat kesejahteraan hidup. 'Emotional Intelligence' atau 'Emotional Quotient' yang kita perlukan untuk mengimbangi keharmonian hidup juga boleh dicapai melalui persekitaran yang kondusif melalui ruang yang penuh dengan nilai estetika . Justeru pemilihan nilai estetika yang tinggi nilai seninya perlu diberi keutamaan.

Terdapat banyak jenis kediaman dewasa ini. Justeru ruang pun pelbagai keluasan dan bentuknya; begitu juga dengan rupabentuknya, kemasan dan persekitaran jika pun ada. Persoalannya bolehkah unsur tradisional yang diperkatakan dapat diguna pakai sepenuhnya atau sebahagian dengan pilihan apa yang sesuai saja? Yang nyata ialah pembahagian kepada tiga bahagian ruang; ruang dalaman, ruang pengantara dan ruang persekitaran atau laman. Begitu juga dengan rupabentuk keseluruhannya. Kediaman banglo, kediaman semi-D, teres dan apartmen atau kondominium. Hatta, pengekalan identiti boleh berlaku dengan cara selektif ataupun menyeluruh mengikut kesesuaian masalah.

### Kajian Kes

Usha untuk mengenegahkan unsur identiti tradisional dalam rekabentuk kontemporari sudah lama bermula di atas kesedaran tentang pentingnya identiti tempatan, memandangkan gelombang globalisasi begitu berleluasa terutama melalui internet. Budaya global mula menjelma tanpa disedari kerana ianya menular secara halus. Secara tak langsung identiti tempatan mungkin terpupsus jika tiada usaha yang padu untuk pengekalan. Saya ingin mengutarakan pengalaman sendiri dalam usaha kearah pembentukan identiti tempatan dengan menerima pakai dan mengadaptasi unsur tradisional ke dalam rekabentuk rumah kediaman. Kesejahteraan hidup melalui rekabentuk dan suasana persekitaran yang kondusif merupakan ajenda utama dalam projek ini.

Susun atur ruang untuk bilik dan ruang tamu dan santai adalah berdasarkan nilai dan fungsi yang praktikal dengan merujuk pada susun atur rumah tradisi Kelantan. Orientasi bilik tidur didasarkan kepada arah kiblat untuk memastikan kedudukan katil


menepati cara Rasullulah tidur. Begitu juga keletakan ruang dapur di sebelah timur bagi memastikan cahaya pagi dapat dinikmati semasa bersarapan. Pengudaraan dan pencahayaan yang baik menjadi faktor perkiraan semasa merekabentuk.

Dinding janda berhias juga menjadi unsur yang diadaptasi dengan memasuki kekisi bercermin dan membuat 'sand blasting' corak ukiran kayu menggantikan ukiran tebuk tembus. Nisbah dikekalkan untuk memastikan nilai estetika terpelihara.



Gambar 11. Dinding yang diadaptasi bahan dan fungsinya.

Penggunaan pintu asli dengan aksesoriinya dikekalkan. Pintu yang menggunakan kepingan kayu tanpa disambung menunjukkan batang balak yang besar digunakan untuk membuat pintu.



Gambar 12. Penggunaan pintu asli tanpa perubahan.

Ukirian tebuk tembus diletak atas pintu masuk bilik untuk tujuan pengudaraan. Ketinggian pintu direndahkan berbanding piawai pintu biasa.



Gambar 13. Ukiran Tebuk Tembus digunakan di atas pintu untuk pengudaraan dan lukisan ukiran yang diadaptasi dibuat 'sand blasting'.


Aksesori lampu direka untuk memasukkan identiti tradisional. Buah butung juga

digunakan untuk mendapatkan identiti rumah tradisional Kelantan.



Gambar 14. Lampu yang direka khas menggunakan unsur tradisi.

Integrasi di antara laman dan ruang perantara menjadi penumpuan dalam rekabentuk ini. Dua kolam diadakan; satu untuk ternakan ikan dan satu lagi untuk mandian. Ruang makan dirapatkan dengan landskap bersebelahan anjung di sebelah barat bertujuan di antara lain menjadi penghadang cahaya panas petang. Ruang santai petang diadakan untuk kemudahan bersosial dengan jiran.



Gambar 15. Integrasi laman dengan ruang transisi.

Kesejahteraan suasana rumah kediaman tidak sempurna jika laman tidak diambil kira dalam rekaan. Taman dapur diwujudkan di dalam taman berhijab berdekatan dengan ruang dapur. Taman ini adalah juga di mana jemuran disediakan di samping stor dan tandas laman. Tumbuhan yang terdapat di sini ialah yang selalu digunakan untuk memasak di samping tumbuhan herba. Pokok buah-buahan ditanam di pinggiran dan di belakang rumah. Bunga yang harum juga dijadikan tanaman pilihan.

Laman di bahagian belakang diperuntukkan untuk ternakan. Angsa memainkan peranan seperti anjing jagaan; buat bising jika

terdapat kelainan dilaman terutama orang yang tidak dikenali. Ternakan memberi suasana hidup secara mapan 'sustainable' di mana ayam kampung dan ikan air tawar dapat dijadikan makanan sihat dan nikmat.



Gambar 16. Kesejahteraan tercapai dengan dampingan ternakan yang pelbagai.

Kesejahteraan hidup juga dapat dicapai apabila aktiviti tradisi seperti acara sambutan Mauludilrasul dijadikan acara berkala tahunan di samping sambutan hari raya. Suasana kemeriahinan berkala dapat membuat ruang bersosial dan aktiviti keagamaan yang bermanfaat dan mensejahterakan hidup.



Gambar 17. Aktiviti keagamaan dapat mewujudkan suasana bermasyarakat yang sejahtera melalui ruang berutiliti.

## 6.0 Kesimpulan

Unsur nilai estetika tradisional dapat memainkan peranan untuk mengekalkan identiti seni bina tempatan. Keunikan yang terdapat pada unsur ini boleh dijadikan sebagai faktor pemain global dimana hanya

kita yang mempunyai identiti tersendiri dan tidak terdapat di tempat lain. Hanya kita tempat rujukan apa yang kitakekalkan dan adaptasikan sesuai dengan peralatan dan aktiviti semasa untuk keselesaan dalam berfungsi. Begitu juga penggunaan nilai estetika yang betul dan dengan baik dapat memainkan peranan dalam hal kesejahteraan emosi (*spiritual intelligence*), justeru dapat mengimbangi kualiti hidup. Kajian mendalam dalam segi pengekalan rupa bentuk dengan mengambil kira cara pembuatan dan bahan alternatif di samping bahan asli perlu dibuat secara terancang. Budaya tradisi yang tidak ketara dapat dikekalkan dengan sokongan budaya ketara. Ruang dan rupabentuk yang selesa dan menarik dapat memupuk kesejahteraan hidup beragama, bermasyarakat dan bekerja dalam keadaan sihat secara tuntas.

## Rujukan/Bibliografi

Elie Faure, 1921. History of Art, Ancient Art, New Yourk: Garden City Publishing Co., Inc.

Marzumi, Yuslina. 1993. Measured drawing of Rumah Haji Lebai Ali, Bachok, Kelantan. KALAM, Universiti Teknologi Malaysia, unpublished.

Mohd Arof Ishak. 2007. The Malay Civilization. Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohd Supian Sabtu. 2005. Arkeologi dan Kesenian: Dalam KonteksArtifak dan Feature di Semenanjung Malaysia. Malaysia dari segi Sejarah. Persatuan Sejarah Malaysia.

Mohd Taib Osman. 1997. Islamic Civilization in the Malay World. Dewan Bahasa and Pustaka.

Ismail Said. 2000. Research Report: Study of Timber Species in Malay Woodcarving in Peninsular Malaysia. Research Management Center, Universiti Teknologi Malaysia.

Ismail Said. Research Report: Visual Composition of Malay Woodcarving of Traditional Houses in Peninsular Malaysia. Research Management Center, Universiti Teknologi Malaysia, March 2001.

Lim Jee Yuan. 1987. The Malay House. Institut Masyarakat Pulau Pinang.

Othman Mohd. Yatim. (1995). *Islamic Arts*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnawati Othman, (2005). The Language of the Langkasukan Motif, Indonesia and the Malay World, Vol. 33, No 96, 97-111.

Sheppard M. Living Crafts of Malaysia. Kuala Lumpur: Mobil Oil Malaysia Sdn.Bhd.

Shirley Gorenstein, 1965. Introduction to Archaeology, New York: Basic Books Inc. Publishers.

Sulaiman Othman. 1994. The Craft of Malaysia. Singapore. Editions Didier Millet

Syed Ahmad Jamal. 1992. Rupa and Jiwa. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Solheim, Wilhelm G. 2006. Archaeology and culture in southeast Asia: unraveling the Nusantao, (revised edition), Diliman, Quezon City : University of the Philippines Press.,

Y.M. Dato' Raja Kamarul Baharin.  
"Pengadaptasian Seni Bina Melayu untuk Kegunaan Moden"- Prosiding Seminar Warisan Seni Bangsa Sempena Kongres Warisan Melayu 2005mn c

Zawiyah Baba. 2010. Warisan Seni Ukir Melayu. ATMA, UKM.

Zulkifli Hanafi. (2000). *Pola-Pola Hiasan Di Dalam Bangunan Tradisional Melayu.(Decorative Patterns in Malay Traditional Building)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.